



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, MAC 2026

**Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara
0.2 peratus hingga 1.1 peratus pada Mac 2026**

PUTRAJAYA, 9 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, MAC 2026**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan pada Mac 2026, iaitu antara 0.2 peratus sehingga 1.1 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Terengganu & Kelantan (1.1%) dan diikuti dengan Kota Kinabalu dan Tawau (masing-masing 1.0%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit simen juga mencatatkan peningkatan pada Mac 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus hingga 1.0 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Miri (1.0%), diikuti dengan Kuching dan Sibu (masing-masing 0.5%).

Tambahan itu, indeks harga seunit keratan keluli & logam menunjukkan sedikit peningkatan pada Mac 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus sehingga 1.0 peratus semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Manakala indeks harga pasir mencatatkan peningkatan kecil pada Mac 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.3 peratus hingga 5.2 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Mac 2025 dan Mac 2026 menunjukkan indeks harga seunit besi telah merekodkan penurunan antara negatif 1.0 peratus hingga negatif 6.9 peratus bagi kebanyakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan telah dicatatkan di Miri (-6.9%), diikuti dengan Kuching (-6.7%) dan Sibu (-5.5%).

Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 5.9 peratus pada Mac 2026 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Pahang (5.9%), diikuti dengan Perak (5.6%) dan Kuching (5.3%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan peningkatan 0.7 peratus, dengan purata harga RM3,426.80 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Februari 2026: RM3,404.40 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula telah merekodkan peningkatan (0.8%) dengan purata harga RM25.55 per 50 kg sekarung berbanding Februari 2026 (RM25.35 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia pada bulan Mac 2026 mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.7 peratus di kawasan iaitu Pulau Pinang, Kedah & Perlis serta Terengganu & Kelantan. Namun begitu, penurunan kecil IKB termasuk bar keluli bagi beberapa kategori bangunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.1 peratus telah direkodkan di Perak, Johor dan Pahang.

IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 0.6 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada Mac 2026 berbanding bulan sebelumnya.


Perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.3 peratus bagi semua kategori bangunan di Kuching (kecuali bagi kategori bangunan kayu, cerucuk kayu dan cerucuk). Tambahan daripada itu, IKB di Sibu dan Miri turut mencatatkan peningkatan kecil antara 0.1 peratus dan 0.5 peratus bagi semua kategori bangunan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia,
Mac 2024 – Mac 2026**



**Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia,
Mac 2024 – Mac 2026**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 APRIL 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, MARCH 2026

The unit price index of steel recorded an increase between 0.2 per cent to 1.1 per cent in March 2026

PUTRAJAYA, 9TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MARCH 2026**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the unit price index of steel recorded an increase in March 2026, ranging from 0.2 per cent to 1.1 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index for this material was recorded in Terengganu & Kelantan (1.1%), followed by Kota Kinabalu and Tawau (1.0%), respectively.

The Chief Statistician of Malaysia further informed that the unit price index of cement also recorded an increase in March 2026, ranging from 0.1 per cent to 1.0 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the price index for this material was recorded in Miri (1.0%), followed by Kuching and Sibu (0.5%), respectively.

In addition, the price index of steel and metal sections registered a slight increase in March 2026, with month-on-month changes ranging from 0.1 per cent to 1.0 per cent across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Meanwhile, the unit price index of sand showed a slight increase in March 2026, with month-on-month change ranging from 0.3 per cent to 5.2 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of March 2025 and March 2026 has indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 1.0 per cent to negative 6.9 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Miri (-6.9%), followed by Kuching (-6.7%) and Sibu (-5.5%).

The year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.5 per cent to 5.9 per cent in March 2026 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Pahang (5.9%), followed by Perak (5.6%) and Kuching (5.3%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded an increase of 0.7 per cent with an average price of RM3,426.80 per metric tonne as compared to the previous month (February 2026: RM3,404.40 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement also showed an increase (0.8%) with an average price of RM25.55 per 50 kg bag, as compared to February 2026 (RM25.35 per 50 kg bag).

The monthly comparison of BCI with steel bars, by building category and region in Peninsular Malaysia for March 2026 recorded an increase ranging from 0.1 per cent to 0.7 per cent in the areas of Pulau Pinang, Kedah & Perlis, as well as Terengganu & Kelantan. However, a slight decline in the BCI with steel bars for several building categories ranging from negative 0.1 per cent to negative 1.1 per cent was recorded in Perak, Johor and Pahang.

The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.6 per cent for all building categories in March 2026 as compared to the previous month.


The month-on-month comparison of BCI with steel bars in Sarawak registered a slight decrease ranging from negative 0.1 per cent to negative 0.3 per cent for all categories of buildings in Kuching (except for the timber building, timber piling and piling categories). Meanwhile, the BCI in Sibu and Miri recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.5 per cent for all building categories.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
March 2024 – March 2026**



**Chart 2: Average Price of Cement (Ordinary Portland), Malaysia,
March 2024 – March 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 APRIL 2026**